

Hello Kitty Online mula Julai ini

Oleh SHAWKATH AZDE
shawkath.azde@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Bagi peminat anak patung dan peralatan Hello Kitty, anda bakal mengalami kejutan menjelang bulan Julai ini apabila jenama yang melambangkan kucing comel itu bakal mempunyai rangkaian sosial dan permainan dalam talian, *Hello Kitty Online*.

Permainan itu akan dilancarkan di negara ini dan Singapura dalam portal *gloom.net* oleh Oriented Games dan ia merupakan sebuah rangkaian permainan yang membolehkan ramai pemain bermain secara serentak di seluruh dunia dalam platform yang dikenali sebagai *Massively Multiplayer Online Role Playing Game (MMORPG)*.

Hello Kitty Online telah menerima lebih daripada 300 maklum balas menerusi media permainan maya serta laman blog di seluruh dunia apabila versi awalnya dilancarkan oleh Sanrio Digital sebelum ini.

Menurut kenyataan, permainan

ini dijangka menerima sambutan yang hangat dan ia akan menjadi antara permainan terkemuka dalam dunia permainan dalam talian.

Bukan hanya sebagai permainan dalam talian semata-mata, ia juga memainkan peranan sebagai platform rangkaian sosial yang mengandungi blog, perkongsian video, mel elektronik serta beberapa lagi aplikasi komunikasi yang memberikan pemainnya suatu pengalaman baru.

Sejajar dengan pelancarannya, Oriented Games akan memperkenalkan produk permainan *Hello Kitty Online* dalam edisi terhad, pek permulaan permainan dalam talian *Hello Kitty Online*, koleksi kad serta pelbagai lagi produk pengguna yang menarik.

Peminat dan pemain dalam talian yang berminat boleh melayari www.gloom.net untuk pendaftaran bagi percubaan versi tertutup dan maklumat lanjut mengenai permainan tersebut.



SALAH satu permainan dalam talian yang terdapat dalam *Hello Kitty Online* yang bermula Julai ini.